

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OKTOBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Peneroks getah Felda terima BMT

Peneroka getah Felda terima BMT

JEMPOL – Peneroka tanah rancangan Felda yang mengusahakan tanaman getah bakal menikmati Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) seperti mana yang dinikmati oleh pekebun kecil di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, elaun bantuan musim hujan kepada penoreh-penoreh getah sebelum ini telah diberikan ketika beliau menjadi Menteri Luar Bandar.

"Sebelum saya lupa, macam orang nak tunggu pilihan raya, tunggu lama. Musim hujan dahulu dua bulan, tiga bulan sahaja. Sekarang ada yang sampai bulan Februari. Kerajaan umum RM800 tapi itu untuk pekebun kecil Risda sahaja.

"Saya nak umumkan hari ini apa yang pekebun kecil Risda dapat, pekebun kecil Felda juga akan dapat. Bermakna, kalau pekebun kecil dapat RM200 sebulan selama empat bulan, pekebun kecil getah Felda pun akan dapat RM200 sebulan se-

lama empat bulan," katanya.


Beliau berucap sempena Majlis Kenduri Sekampung @ Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Felda Palong 7, di sini semalam.

Kelmarin Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengumumkan BMT kepada pekebun kecil getah negara ini dinaikkan kepada RM800 berbanding RM600 sebelum ini.

Beliau berkata, BMT yang melibatkan peruntukan RM256 juta itu akan diberikan RM200 sebulan selama empat bulan dan akan memanfaatkan 320,000 pekebun kecil.

Sebelum ini dalam Bajet 2022, pemberian BMT sebanyak RM600 yang disalurkan melalui dua peringkat iaitu RM300 pada November 2022 dan RM300 pada Disember 2022.

Menurutnya, pengumuman yang baharu dibuatnya itu akan membabitkan perubahan dasar bagi membolehkan pekebun kecil getah Felda menerima bantuan tersebut.



ISMAIL SABRI ketika hadir Majlis Kenduri Sekampung @ Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Palong 7, Jempol semalam. – MOHD SHAHJEHAN MAAMIN